

28 AUG 1998

NAM-Malaysia

ISU KEGANASAN, KRISIS KEWANGAN AKAN DIBERI KEUTAMAAN SAMA

DURBAN, 28 Ogos (Bernama) -- Malaysia hari ini menyatakan keyakinan bahawa isu pengganasan tidak akan membelakangi isu-isu lain seperti krisis kewangan yang sama pentingnya pada Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-12 di sini mulai esok.

Timbalan ketua setiausaha Kementerian Luar, Datuk N.Parameswaran berkata walaupun sidang kemuncak itu diadakan di sebuah negara Afrika, dan tindakan keganasan baru-baru ini berlaku di benua itu, ia tidak bermakna isu itu akan menguasai sidang kemuncak itu.

"Afrika Selatan juga diserang spekulator matawang sekarang. Oleh itu, mereka juga akan berminat dengan perkara itu," katanya kepada wartawan Malaysia ketika memberi taklimat mengenai persediaan Malaysia untuk sidang kemuncak itu.

Parameswaran akan mengetuai delegasi Malaysia pada mesyuarat pegawai-pegawai kanan NAM selama dua hari mulai esok. Para menteri luar Nam akan bermesyuarat juga selama dua hari mulai Isnin.

Pada hari Rabu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyertai rakan-rakan sejawatannya dari negara-negara membangun yang lain pada sidang kemuncak itu. Beliau dijangka membangkitkan isu kegawatan kewangan dan ekonomi.

Parameswaran berkata Malaysia akan mengajak negara tuan rumah (Afrika Selatan) turut sama terlibat dengan isu krisis matawang dan memastikan isu itu dimasukkan dalam dokumen akhir dan Deklarasi 2001.

Para penganalisis berkata kebanyakan negara-negara Afrika yang menjadi anggota NAM akan menumpukan perhatian mereka kepada isu keganasan berikutan kepentingan Amerika Syarikat (AS) di Afrika Selatan, Kenya dan Tanzania diserang oleh apa yang dikatakan pengganasan baru-baru ini.

Parameswaran juga berkata Malaysia akan menyokong cadangan Sudan supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu membuat siasatan sama ada serangan AS ke atas apa yang dikatakan pangkalan pengganasan di Khartoum pada 20 Ogos benar ataupun tidak.

"Kita akan terus mengutuk keganasan pada sidang kemuncak itu. Kita menolak keganasan dalam apa bentukpun tidak kira siapa yang melakukannya," kata Parameswaran.

Beliau berkata Malaysia juga akan meminta supaya satu penyelesaian secara aman dibuat berhubung dengan isu Spratly di Asia Tenggara.

Beliau juga berkata Malaysia akan terus memberi sokongannya kepada NAM walaupun ada pihak-pihak yang mahukan pergerakan itu hanya menjadi pertubuhan ekonomi untuk negara-negara membangun.

"Kita mahu NAM kekal sebagai pertubuhan politik dan ekonomi negara-negara membangun," katanya.

Mengenai dokumen akhir sidang kemuncak itu, Parameswaran berkata Malaysia kesal apabila Afrika Selatan tidak memasukkan Asia Tenggara dalam dokumen berkenaan pada awalnya.

"Tetapi ia telahpun dimasukkan dan Afrika Selatan juga membuat beberapa tambahan kepada draf dokumen akhir itu," katanya.

--BERNAMA

ES WAT